



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Kekasih angau lelaki lain

Dakwa kena bomoh sehingga sukar lupakan rakan sepejabat yang sudah berkahwin

SOALAN

SAYA remaja lelaki berusia awal 20-an dan sedang belajar di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan sudah bercinta dengan teman wanita sejak tingkatan lima. Sejak setahun lalu, teman wanita berkenalan dengan seorang lelaki, A, juga rakan sekerja di pejabatnya. Lelaki itu sudah bertunang ketika itu, tetapi menyatakan minatnya terhadap teman wanita saya.

Akhirnya A selamat melangsungkan perkahwinan

dengan tunangnya atas desakan keluarga. Teman wanita juga ada menyatakan A ada melamarnya untuk berkahwin sebelum berkahwin dengan tunangnya. Tapi teman wanita menolak kerana dia sudah ada saya.

Sejak itu, dia mula berubah. Murung dan sentiasa seperti dalam masalah. Prestasi kerjanya semakin buruk dan akhirnya dibuang kerja. Sebulan selepas dibuang, dia mendapat kerja baru.

Sepanjang perkenalan, saya sentiasa perhatikan gerak lakunya dan percaya teman

wanita sebenarnya sukakan A. Suatu hari, terdetik hati saya untuk membuka akaun facebook teman wanita dan terkejut melihat mesej yang dihantar teman wanita kepada A yang sudah berkahwin. Dalam mesejnya mengatakan dia masih menanti A dan hanya A seorang saja yang berada dalam hatinya. Luluh hati saya dan dalam mesej itu juga dia menyatakan kesukaran hidupnya kerana menyintai suami orang dan mendoakan A supaya bahagia dengan isterinya.

Saya sering bertanya apa

masalah yang dihadapinya.

Dia mengesyaki, dia sudah dibomohkan kerana begitu sukar untuk dia melupakan A.

**JEJAKA RISAU,
Kuala Lumpur**

JAWAPAN

APABILA cinta sudah menakluki diri, bomoh juga tidak dapat mengalih perasaan hebat ini. Menggunakan alasan diri dibomoh hanyalah sebagai pelarian atas kegagalan mengawal perasaan cinta. Ternyata adik berdua sudah tidak mencintai satu sama lain. Jalan terbaik ialah leraikan hubungan cinta ini kerana ia

penuh dengan tipu helah dari kekasih adik. Penting bagi adik berterus-terang mengenai perasaan sebenar.

Dr melihat masalah yang adik hadapi lebih kepada ketakutan untuk melepaskan kekasih pergi. Dr yakin, kekasih adik menghadapi saat-saat lebih getir dalam hidupnya apabila A berkahwin. Tentunya, apabila adik memutuskan hubungan, dia boleh menghadapi saat perpisahan ini kerana dia sudah melalui peristiwa kehidupan yang lebih menyakitkan, iaitu apabila A berkahwin. Adik juga tidak boleh dijadikan sebagai kambing hitam

untuk diri kekasih keluar dari permasalahan cinta tidak kesampiannya. Adik dan teman wanita tidak berlaku adik kepada diri masing-masing.

Memang benar, ada kalanya, lebih baik menjalin hubungan sebagai kawan daripada kekasih sekiranya perasaan cinta sudah tiada. Apabila ini berlaku, segala bantuan yang diberikan akan lebih bersifat profesional, bukan lagi membabitkan emosi. Jika adik benar-benar ingin membantu teman wanita, adik perlu bersifat jujur pada hati sendiri. Jika sudah tiada rasa cinta, elok menjadi rakan yang benar ikhlas membantu.